



Wadah

MAIPK



MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

ASNAF MAIPK TERIMA ANUGERAH IKON ASNAF MAAL HIJRAH NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



PROGRAM ZIARAH KORPORAT MAIPK 2023 DATRAH LARUT MATANG DAN SELAMA





MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI

MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

IPOH, 30 Ogos 2023 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan bercemar duli menyampaikan watikah pelantikan ahli Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak (MPM) dan menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman di antara Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dan UDA Holdings Berhad.

MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

Pengenalan

1. MPM merupakan entiti rintis buat pertama kali ditubuhkan di negeri Perak. Cadangan mewujudkan MPM teretus daripada Program Percambahan Minda anjuran MAIPK di Bukit Merah Lake Town Resort pada 28 Januari 2022. Idea ini disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Masjid Daerah Kerian, Prof. Ir. Dr. Badorul Hisham bin Abu Bakar yang ketika itu mencadangkan MPM diwujudkan bagi membantu pengurusan, pengoperasian dan pemantauan pengurusan masjid di negeri Perak.
2. MPM berperanan mengemukakan idea-idea bernas menginovasi institusi masjid. Perkongsian buah fikiran ahli MPM yang datang daripada pelbagai latar belakang seperti agamawan, profesional, belia dan wanita diharap dapat memajukan institusi masjid di samping membantu memberi idea menyelesaikan pelbagai masalah dalam kariah masjid.

Ahli MPM

3. Ahli MPM terdiri seperti berikut :
 - a) Seorang Pengerusi iaitu Yang Dipertua MAIPK atau seorang yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan;
 - b) 2 orang ahli yang dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan;
 - c) 3 orang ahli atas nama jawatan yang menyandang jawatan-jawatan berikut :
 - i) Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang dipertanggungjawabkan bagi hal ehwal agama Islam;
 - ii) Mufti Negeri Perak; dan
 - iii) Pengarah Jabatan Agama Islam Perak
 - d) Tidak lebih 50 orang ahli yang mewakili masjid (tidak kurang 10 orang dalam usia belia, dan tidak kurang 10 orang Muslimat); dan
 - e) Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK sebagai setiausaha.

Objektif MPM

4. Mewujudkan satu badan syura atau perundingan untuk membolehkan berlangsungnya percambahan minda untuk kemajuan dan pembangunan masjid.

Fungsi dan Peranan MPM

5. MPM hendaklah menjalankan fungsi dan tanggungjawab untuk membantu menyumbang idea dan pandangan, mengupas serta memberi maklum balas berhubung dasar-dasar sedia ada dan dasar-dasar baharu berkaitan perkara-perkara berikut :
 - a) pentadbiran masjid;
 - b) pengurusan kewangan masjid;
 - c) aktiviti-aktiviti masjid; dan
 - d) perkara-perkara lain berkaitan masjid.

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DI ANTARA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK DAN UDA HOLDINGS BERHAD

6. Baginda turut berkenan menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MAIPK dan UDA Holdings Berhad bagi :
 - a) Pembangunan tanah-tanah wakaf dan baitulmal di negeri Perak;
 - b) Latihan amali, pelatih pengurusan dan penempatan pekerjaan kepada asnaf yang layak;
 - c) Keusahawanan termasuklah penyewaan ruang niaga dan peluang pemasaran produk asnaf;
 - d) Pengurusan Fasilitas Bersepadu (*Integrated Facility Management*); dan
 - e) Solar dan Kontrak Prestasi Tenaga (*Energy Performance Contract*).



SENARAI KEAHLIAN MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK 1 SEPTEMBER 2023 HINGGA 31 OGOS 2025

PENGERUSI

TAN SRI MOHD. ANNUAR BIN ZAINI

Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

ATAS NAMA JAWATAN

YAB. Dato' Seri Saarani bin Mohamad

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang Dipertanggungjawabkan Bagi Hal Ehwal Agama Islam

SS. Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh

Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan

SF Tuan Haji Harith Fadzilah bin Haji Abdul Halim

Pengarah Jabatan Agama Islam Perak

AHLI YANG DINAMAKAN OLEH DYMM PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Seri Haji Wan Mohd Isa Bin Dato' Haji Wan Mohd Razali

Orang Besar Jajahan Larut, Matang & Selama

Toh Muda Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja

Dato' Ab. Wahab bin Dato' Seri Azizul Hassan

Orang Besar Jajahan Kinta

SETIAUSAHA

TUAN SHAHRUL AZAM BIN SHAARI

Setiausaha / Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam dan
'Adat Melayu Perak



WAKIL MASJID MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK

PARIT BUNTAR

PROF. IR. DR. BADORUL HISHAM BIN ABU BAKAR

Timbalan Pengerusi,
Masjid Daerah Kerian, Parit Buntar

MOHD HUSAIRI BIN ABDULLAH

Setiausaha Masjid Al-Ridzuan, Kerian,
Parit Buntar

BAGAN SERAI

HAJI ABD RAHMAN BIN AWANG

Pengerusi Masjid Jamek Matang
Gerdu, Kg Matang Gerdu, Bagan Serai

HAJI JAMALUDIN BIN ASAARI

Setiausaha
Masjid Al-Athar, Masjid Tinggi,
Bagan Serai

TAIPIING

DATUK DR. HAJI MOHAMED NIZAM BIN ABDULLAH

Pengerusi Masjid India Muslim
Taiping, Jalan Kota, Taiping

HAJI ABD RAZAK BIN HAJI AHMAD KHAN

AJK Masjid Hanafi, Taiping

MUHAMAD RIZAL BIN ABDUL WAHAB

Timbalan Pengerusi
Masjid Al-Khairiah, Kg. Larut Tin,
Taiping

KUALA KANGSAR

MUHAMAD ANUAR BIN BASIR

Pengerusi
Masjid Raja Permaisuri Bainun,
Bukit Chandan, Kuala Kangsar

WAN MASINDRA BIN JUJA

Pengerusi
Masjid An-Nur Hidayatul Muttaqin,
Kg. Bawong Lasah, Sg. Siput

HAJI MUSTAPHA BIN HJ. ZAINAL ABIDIN

(Masjid Daerah K.Kangsar)

LENGGONG

MOHD RAZLI BIN AHMAD

Timbalan Pengerusi
Masjid Jamek Lenggong,
Pekan Lenggong

GERIK

AHMAD HAFIDZ BIN SHAFEI

Pengerusi
Masjid Nurussalam, Batu 4, Gerik

PENKALAN HULU

SIRAT BIN ABDULLAH

Setiausaha
Masjid Jamek Pengkalan Hulu

IPOH

DATO' DR. HJ. FADZLI CHEAH BIN ABDULLAH

Pengerusi Masjid Muhammadiyah,
Taman Tasek Jaya, Ipoh

DR. KHAIRUDDIN BIN ABD MALIK

Pengerusi
Masjid Abdul Rahman Auf,
Taman Rapat Koperasi, Ipoh

HAJI. AWALLUDIN BIN AWANG

Bendahari
Masjid Sultan Azlan Shah, Jln Dairy,
Ipoh

MOHAMAD ZABIDI BIN AWANG

AJK Masjid Saidina Abu Bakar
As-Siddiq, Brigid Utara PGA,
Tg. Rambutan

MUHAMMAD IQBAL BIN SAMADI

AJK Masjid Muhibbuddin Shah,
Jalan Hospital, Ipoh

BATU GAJAH

SHAMSHUL BIN MUSTAFA

Setiausaha Masjid Imaniah,
Jalan Bemban, Batu Gajah

KAMPAR

KHAIROL BIN ABU BAKAR

Setiausaha
Masjid Al Muttaqin, Malim Nawar

SERI ISKANDAR

ABD. UR-RAHMAN BIN MOHAMED AMIN

Timbalan Pengerusi
Masjid An-Nur, Universiti Teknologi
Petronas, Seri Iskandar

AZMAN BIN ZAINONABIDIN

Pengerusi
Masjid Bandar Universiti, Seri Iskandar

KAMPUNG GAJAH

NOR AZRI BIN SOKOR

Pengerusi
Masjid Ar-Rahmaniah, Kg. Pasir Salak

MANJUNG

MOHD YUSOF BIN MOHAMED ISA

Bendahari
Masjid Haji Isa Batu 8, Lekir

MOHD SHAH RONI BIN MD DALI

Timbalan Bendahari Masjid An-Nur,
Lumut

TELUK INTAN

HJ AGUS LOKMAN BIN SULAM

Pengerusi
Masjid Al-Mansur, Sungai Lampam,
Teluk Intan

BAGAN DATUK

MOHD NASOHA BIN MD NASIR

Setiausaha
Masjid Al-Aula, Simpang Empat,
Hutan Melintang

MUALLIM

MOHD SUHAIMI BIN MD SAID

Pengerusi Masjid Jamek,
Kg. Kuala Slim

WAKIL MASJID - BELIA

SELAMA

Mohd Azmir bin Zanaddin

Setiausaha
Masjid Al-Khairiah, Rantau Panjang,
Selama

KUALA KANGSAR

Muhammad Fazrin bin Mahamad Nazeri

Pengerusi Masjid An-Nuhiah, Kg. Ribu,
Kuala Kangsar

GERIK

Mohammad Syarafi bin Mohamad Sobi

AJK
Masjid Al-Amin, Kampung Jong, Gerik

IPOH

Mohamad Nazrin bin Abdul Nasir

Setiausaha
Masjid Muhammad Al-Fateh, Taman
Jati, Ipoh

KAMPAR

Muhammad Zulhusni Bin Roslan

AJK
Masjid An-Nur (Masjid Daerah Kampar)

TELUK INTAN

Mohd Firdaus bin Kamarudin

Setiausaha
Masjid Ar-Rahmaniah, Labu Kubong,
Chenderong Balai

BAGAN DATUK

Abdul Razak bin Ahmad

AJK
Masjid Sultan Idris Shah II, Sg. Tiang
Baroh, Bagan Datuk

TAPAH

Muhammad Naim bin Abd Razak

AJK Masjid Jamek Sungkai

MUALLIM

Muhamad Norfahmi bin Mohd Halin

AJK Masjid Jamek Tg. Malim

WAKIL MASJID - MUSLIMAT

BAGAN SERAI

Nor Azilawati binti Mohd Azmi

Setiausaha
Masjid Al-Mahmudiah, Permatang
Pasir Beriah, Bagan Serai

TAIPIING

Rossiah binti Ismail

AJK Masjid Jamek Kamunting, Taiping

SELAMA

Khazaimah binti Mohd Daud

AJK Masjid Al-Aziziah, Sg. Bayor,
Selama

LENGGONG

Melior Saleher binti Abd Hamid

AJK
Masjid Rahmaniah Kg. Chepor,
Lenggong

GERIK

Tajul Akmar binti Bahari

Penolong Setiausaha
Masjid Rahmaniah Kg Kerunai, Gerik

IPOH

Norhayati binti Chek Ya

AJK Masjid An-Nur,
Kg. Tersusun Batu 8, Ulu Kinta

KAMPAR

Hamidah binti Fakir Mohd

AJK Masjid Jamek Baru Gopeng

SERI ISKANDAR

Normah binti Muhamad

AJK
Masjid Sultan Yussuf Izzuddin Shah,
Seri Iskandar

TELUK INTAN

Maznah binti Abdullah

AJK Masjid An-Naim, Taman Seri
Sefia, Teluk Intan

TAPAH

Haslinda binti Paujah @ Ismail

AJK Masjid Sultan Nazrin Muizzuddin
Shah (Masjid Daerah Tapa)

MANJUNG

Rafiah binti Sarifuddin

AJK Masjid An-Nasriyah,
Jalan Raja Omar, Simpang Empat,
Sitiawan



MUAT TURUN BUKU CENDERAMATA MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN
AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN

PERCAMBAHAN MINDA TAN SRI MOHD ANNUAR BIN ZAINI YANG DIPERTUA MAIPK BERSAMA AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID NEGERI PERAK

**DEWAN PERSIDANGAN, TINGKAT 2
KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN 30 OGOS 2023**





**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

**MAJLIS PENGURUSAN WATIKAH
AHLI-AHLI MAJLIS PERUNDINGAN MASJID**

TARIKH: 13 SAFAR 1445 / 30 OGOS 2023 (RABU);

JAM: 3.00 PETANG

TEMPAT: KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN, IPOH.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Masjid berperanan penting sebagai pusat yang mengembangkan syiar Islam dan membangunkan tamadun. Masjid dirujuk sebagai rumah Allah, tempat paling istimewa di muka bumi ini, tempat yang diiktiraf mulia, suci dan barakah untuk melakukan ibadah. Dengan sifat Maha Pemurah Allah Subhanahu Wata'ala, negeri Perak ketika ini mempunyai 707 buah masjid. Seiring dengan pertumbuhan penduduk, dikembari pembangunan kawasan penempatan dan perumahan yang baharu, permintaan untuk membina masjid baharu terus dikemukakan. Masyarakat Islam di negara ini pada hari ini, sewajarnya bersyukur kerana mempunyai kemudahan masjid yang dapat memenuhi permintaan. Perkara yang lebih perlu diberikan perhatian ialah aspek pengimarahkan masjid.

2. Banyakmasaterlibatdalamurusanmerancang pembinaan sesebuah masjid, dan banyak sumber digunakan untuk membina sesebuah masjid.

Oleh itu falsafah di sebalik pembinaan masjid harus diselami dan difahami supaya belanja besar membina bangunan tersergam, dilengkapi pendingin udara, dihamparkan permaidani tebal, disilaukan cahaya 'chandelier', tidak menjadi monumen sepi, sekadar dimakmurkan seminggu sekali pada hari Jumaat, tiga puluh malam setahun pada bulan Ramadhan, dua pagi setahun pada pagi Aidilfitri dan Aidiladha. Selebihnya, masjid tinggal dalam isolasi sebagai bangunan sepi lagi sunyi. Banyak masa, banyak usaha, banyak belanja, banyak sumber digunakan untuk membina masjid, dan sewajarnya diperengkap dengan usaha untuk mengimarahkan masjid.

3. Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga yang dianjurkan dalam tahun 1992, dan Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat yang berlangsung dalam tahun 1999, begitu juga Kongres Ekonomi Islam Ketiga pada tahun 2009, merumuskan resolusi khusus mengenai peranan masjid. Ditegaskan

pentingnya masjid berperanan lebih aktif, sebagai pusat pembangunan ekonomi, perkembangan ilmu dan pembangunan sosiobudaya.

4. Sebaik sampai ke Madinah, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam tidak sekadar membina masjid, tetapi membangunkan masjid. Baginda lebih mengutamakan komponen perisian untuk mengimarahkan masjid. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam telah meletakkan masjid berperanan sebagai pusat pentadbiran, pusat pembangunan ilmu, pusat pembangunan budaya dan pusat pembangunan ekonomi. Membangunkan, memakmurkan dan mengimarahkan masjid ialah sunah. Beta gembira mengikuti kemajuan yang berjaya dicipta oleh beberapa buah masjid di negeri Perak melalui program-program yang memenuhi keperluan dan memberi manfaat kepada masyarakat. Kejayaan-kejayaan tersebut hendaklah dijadikan contoh ikutan oleh masjid-masjid di negeri Perak.

5. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam turut memperkenalkan konsep syura sewaktu melaksanakan pemerintahan dan dalam usaha membangunkan ummah dan membina tamadun. Syura bermaksud, perbincangan dalam kalangan ahli untuk mengambil pendapat bagi mencapai keputusan yang tepat¹. Perbincangan mestilah dihadiri oleh orang-orang yang memiliki keahlian dan kepakaran dalam perkara-perkara yang mahu diputuskan.

6. Syura ialah forum yang membolehkan berlakunya percambahan minda dan pertukaran pendapat, berlangsung dalam suasana tertib, sopan, profesional dan berdisiplin. Syura memberikan kelebihan dan kebaikan kepada masyarakat dan kepada pihak yang bertikai pendapat untuk mencari persefahaman dan rumusan secara rasional dalam semangat saling mendengar dan saling menghormati pendapat yang berlainan dan berbagai. Melalui syura, ahli-ahli berpeluang menghalusi isu, meningkatkan persefahaman, melontarkan idea, merungkaikan permasalahan dan mengemukakan jalan penyelesaian.

7. Syura ialah pendekatan pemerintahan yang dianjurkan oleh Islam kerana syura membolehkan pemerintah mencari penyelesaian dan mencapai keputusan yang melibatkan rakyat dalam semangat permaafan dan perundingan, selaras dengan firman Allah yang terkandung dalam ayat 159 Surah Ali-Imran yang bermaksud:

“Maka dengan sebab rahmat (yang melimpah ruah) daripada Allah (kepadamu wahai Muhammad), kamu bersikap lemah lembut terhadap mereka (sahabat-sahabat dan pengikutmu). Dan sekiranya kamu bersikap kasar lagi keras hati, tentulah mereka menjauhkan diri dari sekelilingmu. Oleh itu, maafkanlah mereka (mengenai kesalahan yang dilakukan oleh mereka terhadapmu) dan mohonkanlah keampunan bagi mereka serta bermesyuaratlah dengan

mereka dalam apa-apa urusan (peperangan dan soal keduniaan). Kemudian apabila kamu telah berazam, maka bertawakallah kepada Allah. Maka sesungguhnya Allah mengasihi orang yang bertawakal kepada Nya”².

8. Idea penubuhan Majlis Perundingan Masjid, dicetuskan melalui majlis syura, iaitu program percambahan minda yang diadakan oleh Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak dengan ahli-ahli jawatankuasa masjid di negeri Perak. Idea tersebut telah diangkat sembah dan mendapat perkenan Beta. Beta turut memperkenankan nama-nama yang diperakukan oleh urus setia untuk dilantik sebagai ahli Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak. Firman Allah dalam surah At-Taubah ayat 18 bermaksud:

“Sesungguhnya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu hanyalah orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, serta mendirikan solat, menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka diharapkan mereka termasuk dalam golongan orang yang mendapat hidayah petunjuk”³.

Semoga nama-nama yang diangkat sembah untuk mendapat perkenan Beta dilantik sebagai ahli, terdiri daripada kalangan Muslimin dan Muslimat yang memenuhi inti pati yang tersurat dan tersirat dalam ayat tersebut.

9. Majlis Perundingan Masjid ini, ialah majlis syura, merupakan entiti baharu, yang diperkenalkan dan ditubuhkan buat pertama kali. Semoga melalui Majlis ini akan berlaku perubahan minda dan perubahan budaya, menghasilkan ramuan dan kaedah baharu untuk mengimarahkan masjid. Ahli-ahli Majlis Perundingan Masjid hendaklah berfikir besar, membolehkan masjid berperanan secara lebih dinamik lagi bermakna, dikeluarkan dari kotak sempit, dimerdekan dari kepompong pemikiran lama yang telah diformulasikan secara terancang oleh penjajah pada masa lalu, dengan tujuan tersirat mahu membatasi peranan masjid kepada urusan-urusan ibadat yang ditakrif dengan dimensi yang sempit.

10. Semoga masjid-masjid di negeri Perak akan dapat ditingkatkan pengimarhannya melalui idea-idea segar yang dicetuskan dalam persidangan Majlis Perundingan Masjid. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala memberikan petunjuk dan hidayah memandu kita ke jalan yang lurus;

أَهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ

وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



ZIARAH KORPORAT MAIPK 2023



TAIPING, 8-9 Ogos 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan Program Ziarah Korporat MAIPK (PZKM) 2023 di daerah Larut Matang dan Selama. Peserta terdiri daripada pelbagai agensi seperti syarikat korporat, GLC dan para media. Peserta PZKM telah menziarahi golongan asnaf terdiri daripada penerima bantuan kewangan, perubatan, bina dan baik pulih rumah, modal perniagaan dan pemerkasaan asnaf. Peserta turut menyantuni asnaf dari rumah ke rumah program sambil menyampaikan sumbangan bantuan kewangan dan kotak makanan oleh MAIPK.

PZKM merupakan program berkonsepkan konvoi dan ziarah memberi peluang setiap peserta melihat sendiri secara langsung peranan yang dimainkan oleh MAIPK membantu masyarakat melalui dana zakat. Peserta diberi pendedahan melihat sendiri kehidupan asnaf di samping dapat beramah mesra serta mengeratkan silaturahim antara pembayar zakat dan penerima zakat. Sebanyak 28 buah rumah telah diziarahi dan disantuni oleh 60 orang peserta dari 28 agensi syarikat.

PZKM merupakan platform terbaik untuk pembayar zakat menzahirkan rasa keprihatinan terhadap asnaf yang kurang bernasib baik dalam kehidupan mereka. PZKM dijangka mampu menarik lebih banyak agensi dan individu korporat terus konsisten menunaikan ibadah zakat di MAIPK bagi membela nasib asnaf di negeri Perak. Dengan tekad dan kesungguhan melaksanakan ibadah zakat pasti akan dapat menyucikan harta, memperoleh keberkatan, keredaan dan rahmat Allah SWT.



MAIPK LANCAR APLIKASI ZAKAT PERAK



TAIPING, 9 Ogos 2023 - Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Shahrul Azam bin Shaari telah melancarkan aplikasi Zakat Perak sempena Ziarah Korporat MAIPK 2023. Aplikasi Zakat Perak dilancarkan untuk menarik lebih banyak agensi dan individu korporat menunaikan ibadah zakat. Aplikasi yang baharu dibangunkan memudahkan pengguna mengakses pelbagai maklumat termasuk pengiraan zakat, bayaran zakat dan senarai usahawan asnaf. Semoga dengan adanya aplikasi ini meningkat lagi kutipan zakat serta terus konsisten menunaikan zakat bagi membela nasib asnaf di negeri Perak.

Kemudahan aplikasi Zakat Perak ialah :

- Sijil Digital – sebagai tanda penghargaan dan pengiktirafan kepada syarikat dan individu di atas kesetiaan dan komitmen membayar zakat kepada MAIPK.
- Logo beserta QR Code – sebagai platform hebahan dan dakwah zakat kepada prospek pembayar zakat perniagaan serta masyarakat dapat mengenal pasti syarikat yang membayar zakat perniagaan dengan mudah.
- Memberi akses kepada orang ramai menyemak syarikat yang telah membayar zakat kepada MAIPK seterusnya mendapat info bagi pilihan pengguna daripada promosi barangan dan perkhidmatan oleh syarikat berkenaan.
- Menjadi sumber rujukan produk dan perkhidmatan oleh masyarakat Islam bagi menyokong syarikat yang membayar zakat perniagaan untuk agihan asnaf negeri Perak.





AGIHAN ZAKAT JANUARI HINGGA JUN 2023 MAIPK

1 Program Pembangunan Sosial

- Bantuan Hari Raya
- Bantuan Kewangan Bulanan
- Bantuan Sewa Rumah
- Bantuan Bina & Baik Pulih Rumah
- Bantuan Perubatan
- Bantuan Hemodialisis
- Program Bank Makanan
- Bantuan Kecemasan / Segera
- Bantuan Tambang Perjalanan Domestik
- Bantuan Bencana
- Bantuan Pengurusan Jenazah
- Bantuan Penyelesaian Hutang
- Bantuan Kebajikan Anak Yatim

4 Program Pembangunan Insan

- Sumbangan kepada Persatuan Anak Perak Luar Negara
- Elaun Guru Al-Quran dan Pembantu Tadika Islam
- Insentif Mubaligh & Guru Kelas Muallaf
- Sumbangan Pasukan Keselamatan
- Pembangunan Modal Insan
- Program Peningkatan Akademik Pelajar Luar Negara
- Program Pemurnian Akidah & Akhlak

2 Program Pembangunan Pendidikan

- Bantuan Persekolahan & Am Pelajaran (Persediaan IPT)
- Skim Biasiswa Pelajaran Baitulmal
- Skim Latihan Kemahiran Asnaf
- Bantuan Dermasiswa (Dalam Negara)
- Bantuan Dermasiswa (Luar Negara)
- Bantuan Sewa Bangunan / Kelas Saudara Kita
- Bantuan Perkapita Sekolah Agama Rakyat/ Sekolah Latihan Wanita
- Bantuan Tambang Perjalanan Pergi & Balik Belajar Luar Negara


5 Program Kolaborasi & Program Pembangunan Infrastruktur

- Waran Peruntukan JAIPK
- Penyelenggaraan Kenderaan Mubaligh
- Bantuan Penyelesaian Hutang Institusi Pengajian Tinggi
- Sumbangan Kepada Organisasi Islam
- Penyelenggaraan Rumah Anak Yatim
- Bantuan Kepada Masjid
- Bantuan Kepada Surau
- Penyelenggaraan Asrama Mesir

3 Program Pembangunan Ekonomi


- Bantuan Modal
- Latihan dan Kursus Pembangunan Usahawan

PETA PERAK





MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK



JUMLAH KESELURUHAN BANTUAN

Penerima **77,102** | **18** Daerah

RM 69,122,776.93

PEJABAT MAIPK

- | | | |
|---------------|---------------|----------------|
| Ipoh | Selama | Manjung |
| Batu Gajah | Kampar | Teluk Intan |
| Kuala Kangsar | Tapah | Bagan Datuk |
| Bagan Serai | Muallim | Lenggong |
| Parit Buntar | Seri Iskandar | Gerik |
| Taiping | Kg Gajah | Pengkalan Hulu |



SALURAN PEMBAYARAN ONLINE

FPX melalui:
<https://ezakat.maiamp.gov.my>

SenangPay
<https://senangzakat.my/maipk.html>



SALURAN PEMBAYARAN KAUNTER

- 19 Kaunter pejabat MAIPK seluruh Negeri Perak
- Amil Harta
- Amil Profesional
- Perunding Zakat
- Amil Firma Akaun / Audit Bertauliah
- Kaunter Pos Malaysia

POTONGAN SECARA BULANAN (AUTO-DEBIT)

InfaqPay infaqpay.my/go/zakatmaipk

POTONGAN GAJI ONLINE

epzb.maiamp.gov.my
(Tel: 05-2084089)



USAHAWAN MAIPK TERIMA ANUGERAH IKON ASNAF NEGERI PERAK



IPOH, 19 Jun 2023 - Puan Hasarinawati binti Abdul Wahab, Usahawan Asnaf MAIPK telah menerima Anugerah Ikon Asnaf sempena Majlis Sambutan Maal Hijrah Negeri Perak Darul Ridzuan tahun 1445/2023. Majlis penyampaian anugerah disempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah di Casuarina Convention Centre, Casuarina Hotel @Meru. Pada majlis tersebut Puan Hasarinawati membawa pulang wang tunai RM5,000.00, sijil serta cenderamata. Pihak MAIPK mengucapkan tahniah kepada Puan Hasarinawati atas anugerah yang dikurniakan. Semoga beliau terus maju dalam bidang perniagaan diceburi.

INFO RINGKAS PUAN HASARINAWATI

1. Puan Hasarinawati Abdul Wahab berumur 50 tahun, menyara tiga anak masih kecil selepas berpisah dengan suami lebih 12 tahun lalu. Kini, tiga anak berusia antara 21 hingga 27 tahun.
2. Kecekalan sebagai ibu tunggal menumpukan sepenuh masa membesarkan anak-anaknya tanpa suami di sisi dalam masa yang sama perlu keluar bekerja.
3. Menjalankan perniagaan kuih, roti dan sebagainya secara kecil-kecilan bagi menyara keluarga.
4. Menerima bantuan zakat MAIPK di bawah Skim Pemerkasaan Ekonomi Asnaf pada tahun 2011 berjumlah RM6,500.00 untuk mengembangkan perniagaan menghasilkan produk makanan.
5. Bantuan MAIPK telah berjaya meningkatkan lagi kadar pengeluaran berbanding biasa.
6. Beliau menjadi tenaga pengajar di pelbagai program latihan keusahawanan.
7. Kesenangan dikecapi tidak sesekali membuatkan beliau lupa kembali berbakti kepada masyarakat termasuk dengan menggajikan pekerja yang terdiri daripada jiran tetangga yang sebahagiannya golongan asnaf serta ibu tunggal.
8. Kesusahan yang pernah diharunginya bersama anak-anak membuatkan beliau sentiasa menekankan kepentingan pelajaran kepada anak-anaknya. Anak sulungnya kini bekerja sebagai doktor gigi, manakala anak keduanya kini seorang peguam sementara anak bongsunya masih menuntut di universiti awam di Kelantan.
9. Beliau menekankan perlu ada kesungguhan serta usaha gigih bagi mengubah kehidupan.
10. Beliau juga kini merupakan pembayar zakat MAIPK.

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPK TAHUN PENILAIAN 2022



IPOH, 10 Mei 2023 - MAIPK mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) tahun penilaian 2022. Seramai 25 orang pekhidmat MAIPK menerima APC disampaikan oleh Yang Dipertua MAIPK, Tan Sri Mohd Annuar bin Zaini. Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua penerima APC. Selain itu, turut diadakan Majlis Jasamu Dikenang bagi meraikan pekhidmat MAIPK yang telah bersara. Warga MAIPK turut merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada warga yang telah bersara di atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan sepanjang berkhidmat di MAIPK.





PROGRAM HIJRAH ASNAF MAIPK KE MENARA GADING

LENGGONG, 20 Jun 2023 - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menganjurkan Program Hijrah Asnaf Ke Menara Gading (HIASMEGA) disertai oleh 107 pelajar tajaan MAIPK lepasan SPM 2022. Belia 4B Perak telah dilantik sebagai fasilitator diketuai Encik Wan Mohammad Afiq bin Wan Aris Fathillah. Matlamat utama penganjuran program ialah untuk memberi maklumat berkaitan program pengajian yang ditawarkan oleh institusi UniKL RCMP, UniKL MIMET, Kolej Profesional MARA, Kolej Poly-Tech MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA, GiatMARA dan Universiti Sultan Azlan Shah.

Program HIASMEGA merupakan batu loncatan untuk anak asnaf melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Pelajar dibimbing dan diberikan motivasi agar bersemangat untuk lebih berjaya. Majlis perasmian penutup disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Rohizan bin Haji Omar. Majlis turut meraikan pelajar tajaan MAIPK yang cemerlang di dalam Peperiksaan SPM 2023. Semoga program ini menjadi panduan kepada pelajar menentukan perjalanan mereka meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi.



PROGRAM INTERVASI KECEMERLANGAN PELAJAR TINGKATAN 5

MAIPK menganjurkan Program Intervensi Kecemerlangan Pelajar Tingkatan 5 di sekolah terpilih untuk kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan SPM seterusnya mampu menaikkan prestasi pencapaian sekolah. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan bersama guru pakar mengenai kaedah pembelajaran, tips serta teknik skor A semasa menjawab soalan peperiksaan SPM terutamanya dalam mata pelajaran Matematik, Bahasa Melayu dan Sejarah.

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TASEK DAMAI, IPOH DI SENTOSA ECOPARK TAPAH PADA 4 - 6 JULAI 2023



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN HAMID KHAN, TAPAH DI INSTITUT LATIHAN FELDA, SUNGKAI PADA 20 - 23 OGOS 2023





Wadah
MAIPK

Edisi Kedua 2023 • Bil. Ke-45

SEMINAR MOTIVASI DAN HALA TUJU USAHAWAN MAIPK

Seminar motivasi dan hala tuju usahawan MAIPK bertujuan memberikan pendedahan ilmu kepada usahawan asnaf MAIPK mengenai agihan zakat, pengurusan kewangan, perlindungan perniagaan dan percukaian perniagaan. Seminar disertai Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit, Pertubuhan Keselamatan Sosial serta Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk berkongsi tentang selok belok dunia perniagaan serta memberi kata-kata semangat kepada usahawan MAIPK.

SIRI 2 DI HOTEL IMPIANA, IPOH PADA 12 MEI 2023



SIRI 3 DI HOTEL M ROOF, IPOH PADA 18 JULAI 2023



Bantuan~Bantuan MAIPK





Wadah

MAIPK

Edisi Kedua 2023 • Bil. Ke-45

Bantuan~Bantuan MAIPK



Bantuan~Bantuan MAIPK





KERATAN AKHBAR MAIPK

32 Komuniti Kita!



SEKELUAS 100 pelajar tingkatan lima bergambar bersama pada majlis penutup Program Interviu Katerangan Pelajar peringkat Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak di Dewan Eksposit, Taiping, Perak baru-baru ini.

28 Komuniti Kita



Huntarkan gambar aktiviti bersama letrangers ke utusannews@mediamaila.com.my

107 lepasan SPM tajaan MAIPK sertai Hijrah Ansal

MAJLIS Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) melaksanakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

2022. Pada 21 Mac 2023, MAIPK telah mengadakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

MAIPK telah mengadakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

5 Negeri

Keluar JUMAAT 19 MARI 2023

11

Pemimpin belia baca khutbah Jumaat

IPOH - Sultan Perak Sultan Haqim Muizzaddin Shah memperkenankan agar para pemimpin belia dibentangkan persembahan membaca khutbah Jumaat di masjid-masjid di negeri ini hari ini.

Yang Diportas Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK), Tan Sri Mohd. Anwar Zairi berkata, Sultan Nazrin turut menantikan agar para pemimpin muda berkenaan menyampaikan khutbah bertepatan Bulan Fawaris Negara Bangas.

"Tah Sultan Nazrin ini adalah sempena sambutan Hari Bela Negara, sekali-gus mengiktiraf peranan penting yang dimainkan oleh golongan belia."

Tambah Anwar, Muhammad Syarif Akmar Syafi'i daripada Kelab Setia Almar, St. Rokan diperkenankan untuk berucap membaca khutbah Jumaat di Masjid Negeri atau Masjid Sultan Idris Shah II. Dua buah masjid di daerah Kuala Kangsar dengan titah Sultan Nazrin, satu masing-masing di Larut Matang, Hilir Perak, Marjung Botang Padang Bagas Datuk, Lenggong, Perak Tengah, Mambau dan Selatam.

Sementara itu Gerik, serambi buah masjid akan terlibat dengan titah baginda, manakala dua masing-masing di Kuala Kangsar dan Sarung Gajah.



KHUTBAH keam di masjid di negeri Perak akan dibaca oleh pemimpin belia sempena Hari Bela Negara. - GAMBAR HIASAN

SIAR HARIAN - JUMAAT 11 OKTOBER 2023

NASIONAL

MAIPK lancar aplikasi Zakat Perak

Inisiatif tarik lebih banyak syarikat korporat, individu bayar zakat



IBRAHIM, AZAM



MAIPK telah melancarkan aplikasi Zakat Perak untuk menarik lebih banyak syarikat korporat dan individu membayar zakat.

MAIPK telah melancarkan aplikasi Zakat Perak untuk menarik lebih banyak syarikat korporat dan individu membayar zakat.

107 lepasan SPM tajaan MAIPK sertai Hijrah Ansal

MAIPK telah mengadakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

MAIPK telah mengadakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

MAIPK telah mengadakan program Hijrah Ansal ke Menara Gading (Kemangi) melibatkan 107 pelajar lepasan SPM Pedalaman Malaysia (SPM).

2 Komuniti Kita!



ASAP ASAP di rumah Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPK) bergambar bersama pada majlis penutup Program Seminar Mawani dari Hala Tuju Utusannews MAIPK di Hotel 8 Road, Ipoh, Perak baru-baru ini.

5 Negeri

Keluar JUMAAT 25 OKTOBER 2023

11

Imarahkan masjid, jangan jadi monumen sepi

IPOH - Usaha perlu dilakukan untuk mengimarahkan masjid dengan pelbagai kegiatan berstruktur dan ekonomi agar ia tidak menjadi monumen sepi yang digariskan pada waktu tertentu sahaja.

Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzaddin Shah bertitah, tindakan Rasulullah SAW sebagai salah satu contoh yang patut diteladani dalam membina masjid adalah dengan membiayai, tetapi membangunkan masjid supaya ia dihidupkan.

"Tah baginda, Rasulullah SAW meniatkan masjid bersejarah sebagai pusat pentadbiran pembangunan ilmu, budaya dan sosial ekonomi."

"Masjid tidak seharusnya sekadar dimakmurkan semingggu sekali pada hari Jumaat, 30 minit sebelum pada bulan Ramadan, dua pagi setahun pada pagi Aidilfitri dan Aidiladha."

"Sebaliknya, masjid tinggal dalam isolasi sebagai bangunan sepi lagi sunyi" titah baginda pada Majlis Perundingan Masjid Ahlul-Bait Majlis Perundingan Masjid di Kompleks Mawani Perak, Ipoh.

Sultan Nazrin bertitah, harapan dia adalah dengan membiayai, tetapi membangunkan masjid supaya ia dihidupkan.



SULTAN Nazrin Muizzaddin Shah mengimarahkan utuk kepada Menteri Besar, Datuk Seri Saorin Mohamed pada majlis Perundingan Wadah Ahlul-Bait Majlis Perundingan Masjid di Ipoh, semalam.

Nasional

Sultan Nazrin perkenan tubuh Majlis Perundingan Masjid

IPOH - Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzaddin Shah, memperkenankan pembentukan Majlis Perundingan Masjid (MPM) yang memfokuskan elemen sains, teknologi, pembangunan manusia dan budaya, selain membina dan memelihara masjid-masjid di negeri ini.

Sultan Nazrin bertitah, beliau dikehendaki persembahkan majlis di Perak, memulakan dengan persembahan dalam persembahan yang teras sains, teknologi, pembangunan manusia dan budaya, selain membina dan memelihara masjid-masjid di negeri ini.

Titah baginda, MPM yang bertitah akan menjadi platform untuk berkolaborasi antara sektor awam, swasta dan masyarakat madani.

"Tah baginda, MPM yang bertitah akan menjadi platform untuk berkolaborasi antara sektor awam, swasta dan masyarakat madani."



Sultan Nazrin berucap mengenai majlis persembahan pada Majlis Perundingan Wadah Ahlul-Bait Majlis Perundingan Masjid di Kompleks Mawani Perak, Ipoh, semalam.

28 NEGERI PERAK • PARANG

Keluar JUMAAT 25 OKTOBER 2023

11

'Jangan biarkan masjid jadi monumen sepi'

Sultan Nazrin perkenan perubahan Majlis Perundingan Masjid

IPOH - Sultan Perak Sultan Nazrin Muizzaddin Shah memperkenankan perubahan Majlis Perundingan Masjid (MPM) yang memfokuskan elemen sains, teknologi, pembangunan manusia dan budaya, selain membina dan memelihara masjid-masjid di negeri ini.

Sultan Nazrin bertitah, beliau dikehendaki persembahkan majlis di Perak, memulakan dengan persembahan dalam persembahan yang teras sains, teknologi, pembangunan manusia dan budaya, selain membina dan memelihara masjid-masjid di negeri ini.

Titah baginda, MPM yang bertitah akan menjadi platform untuk berkolaborasi antara sektor awam, swasta dan masyarakat madani.

"Tah baginda, MPM yang bertitah akan menjadi platform untuk berkolaborasi antara sektor awam, swasta dan masyarakat madani."



Sultan Nazrin berucap mengenai majlis persembahan pada Majlis Perundingan Wadah Ahlul-Bait Majlis Perundingan Masjid di Kompleks Mawani Perak, Ipoh, semalam.